

U 8522 DEB  
MAHATHIR - JANJI R R R

BACHOK, 31 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGULANGI INGATANNYA KEPADA RAKYAT SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN PELBAGAI JANJI PARTI-PARTI PEMBANGKANG MENJELANG PILIHANRAYA 3 OGOS INI KERANA +JANJI-JANJI ITU AKAN TINGGAL JANJI DAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MEREKA TUNAIKAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARTI-PARTI PEMBANGKANG MUDAH MEMBUAT BERMACAM-MACAM JANJI KERANA MEREKA TAHU MEREKA TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN DAN TIDAK PERLU MENUNAIKANNYA.

SEMASA MERASMIKAN PEJABAT UMNO BAHAGIAN INI DI JELAWAT DEKAT SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA BARISAN NASIONAL SEBALIKNYA HANYA MEMBUAT JANJI YANG DIPASTIKAN MAMPU DILAKSANAKAN OLEHNYA.

+WALAUPUN BN TIDAK BANYAK MEMBUAT JANJI SELAMA 30 TAHUN MEMERINTAH NEGARA INI, RAKYAT SENDIRI DAPAT MERASAI DAN MENYAKSIKAN PELBAGAI NIKMAT DAN KEMUDAHAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN +.

+KERAJAAN BN JUGA IKHLAS MENUNAIKAN JANJI-JANJINYA DAN BUKAN SEMATA-MATA BERJANJI PADA MUSIM PILIHANRAYA+, TEGAS PERDANA MENTERI.

-- LAGI.

1755MST 31 07 86

D582

U 8524 DEB  
MAHATHIR - JANJI 2 BACHOK R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA BAHAWA JIKA PARTI LAIN MEMERINTAH NEGARA INI, BELUM TENTU ADA PILIHANRAYA DAN RAKYAT MALAYSIA MUNGKIN TIDAK BERPELUANG MEMILIH KERAJAAN.

+ADANYA PILIHANRAYA KERANA NEGARA DIPERINTAH OLEH BN. PARTI-PARTI LAIN BERPELUANG BERTANDING, JUGA KERANA ADANYA BN.+

MENGENAI PAS, BELIAU BERKATA TIDAKLAH PATUT PARTI ITU MEMINTA DUIT DARIPADA ORANG RAMAI YANG MEREKA SENDIRI KATEGORIKAN SEBAGAI MISKIN SEDANGKAN PADA MASA YANG SAMA PAS MELAUNG-LAUNGAN KONONNYA MAHU BERJUANG MENENTANG KEMISKINAN.

PERDANA MENTERI MENGECEM KERAS PAS KERANA MEMUNGUT DUIT DARIPADA ORANG MISKIN KONONNYA UNTUK TABUNG JIHAD +TETAPI SEHINGGA INI TIDAK NAMPAKPUN APAKAH YANG DIJIHADKAN ITU+.

BELIAU BERKATA KERAJAAN BN PULA BERTINDAK SEBALIKNYA IAITU DENGAN SENTIASA MEMBERI PERTOLONGAN KEPADA RAKYAT SEPERTI MELALUI PELBAGAI BENTUK SUBSIDI KEPADA MASYARAKAT PETANI DAN NELAYAN DI SELURUH NEGARA. -- LAGI.

1759MST 31 07 86

D586

U 8525 DEB  
MAHATHIR - JANJI 3 BACHOK R R R

BELIAU BAGAIMANAPUN KESAL KERANA APABILA PARA PETANI ITU MULA MENDAPAT HASIL TANAMAN MEREKA, KAWASAN MEREKA TELAH DIJADIKAN SASARAN OLEH PAS UNTUK MEMINTA WANG.

LEBIH 3,000 ORANG HADIR PADA MAJLIS ITU. MENTEPI BESAR DATUK HAJI MOHAMED YAACOB, CALON BN BAGI KERUSI PARLIMEN BACHOK, ENCIK MOHD. ZAIN ABDULLAH DAN CALON-CALON BN BAGI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI JELAWAT, ENCIK AHMAD SHAHIBUDDIN HAJI MOHD. NOOR, PERUPOK, ENCIK MAMAT BIN AWANG DAN TAWANG. ENCIK MOHAMAD BIN HAJI HASSAN JUGA HADIR. -- BERNAMA.

1805MST 31 07 86